■ *KETIBAAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan rombongannya, di KEJORA disambut dengan bunga manggar.*

■ *KETIBAAN Datuk Musa dan rombongannya di Desaru, Johor Tenggara pula disambut dengan tarian singa oleh masyarakat China.*

Lawatan Datuk Musa tinggalkan banyak kenangan penting

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

LAWATAN rasmi dua hari Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam selaku anak Johor yang pulang ke tanah tumpah darahnya di Johor Bahru, baru-baru ini besar ertinya kepada semua lapisan masyarakat berbilang keturunan di negeri itu.

Kanak-kanak sekolah, guru-guru, kakitangan Kerajaan dan ahli parti-parti politik dari Barisan Nasional dan penduduk-penduduk tempatan berbaris di beberapa jalan utama dari Lapangan Terbang Senai ke ibu negeri Johor semata-mata untuk mengalu-alukan ketibaan Datuk Musa dan rombongannya.

Meskipun lawatan itu singkat saja, tapi Datuk Musa sempat mengadap Sultan dan Sultanah Johor di Istana Bukit Iskandar, merasmikan Wisma Persekutuan, melawat KEJORA dan Majuternak di Keluang, berbincang dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli EXCO Johor.

Dari pagi hingga ke malam, beliau seakan-akan tidak berpeluang untuk berehat. Dari satu tempat ke satu tempat ditujunya untuk melihat dan mendengar taklimat tentang pembangunan negeri Johor di samping beramah mesra dengan orangramai khususnya di Johor Bahru.

Ketibaan Datuk Musa diiringi oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalal Abu Bakar di Lapangan Terbang Senai, pagi Isnin lalu di sambut oleh Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat.

Turut menyambut ialah Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dari Johor, Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin politik dari parti-parti Barisan Nasional.

Meriah

Dianggarkan 10,000 orang dari semua keturunan menyambut Datuk Musa yang menaiki kenderaan khas di sepanjang perjalanan 15 batu ke Johor Bahru.

Pukulan kompang, tarian singa, tiupan serunai dan istiadat menabur beras kunyit, bunga-bunga dan air mawar memeriahkan lagi lawatan rasmi Timbalan Perdana Datuk Musa yang pertama kali setelah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, bulan lalu.

Sejam selepas itu, Datuk Musa kemudian ke Istana Bukit Iskandar untuk mengadap Sultan dan Sultanah Johor. Pertemuan itu cukup mesra sekali dan meninggalkan kesan kepada Datuk Musa.

Di waktu itu, di Bangunan Pejabat Kerajaan, wakil-wakil Rakyat Negeri dan Parlimen dari Johor dan Ketua-ketua Jabatan peringkat Negeri dan Persekutuan menunggu ketibaan Datuk Musa untuk menghadiri perjumpaan dengan mereka.

Meskipun perjumpaan itu tertutup, tapi yang jelas, Datuk Musa menginginkan para pemimpin peringkat Negeri dan Persekutuan membuktikan kepimpinannya dengan berkhidmat penuh dedikasi di samping melakukan kerja-kerja dengan cekap, licin dan bersih.

Ketika merasmikan Bangunan Wisma Persekutuan, di sebelah petangnya, Datuk Musa menekankan perlunya pegawai dan kakitangan Kerajaan menanamkan sikap 'berkhidmat untuk rakyat'.

Sebagai Kerajaan mewakili rakyat, beliau menyeru mereka mendampingi rakyat jelata dan mendengar aduan dan sungutan mereka.

Datuk Musa tidak mahu rakyat akan mengecap dan menuduh pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak cekap, pilih kasih dan menyalahgunakan kuasa dan budi bicara.

Dan yang paling tidak diingini ialah melambat-lambatkan urusan permohonan atau surat menyurat dari orang-ramai yang berurusan dengan sesuatu jabatan dan agensi Kerajaan.

Datuk Musa juga memberitahu, Kerajaan mengambil keputusan menggunakan Sistem Buku Merah untuk memudahkan kemajuan perancangan dan pelaksanaan projek, dikesan dan diatasi segera jika terdapat masalah dan kepincangan di sana sini.

Dalam konteks ini, semua agensi Kerajaan diarah mengemukakan laporan dan maklumat terakhir mengenai kemajuan rancangan dan projek kepada Jabatan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan saya sendiri ingin tahu dan perlu mengikuti untuk mengesan sebarang masalah yang timbul sewaktu melaksanakan projek di berbagai peringkat," tegasnya.

Di samping mengikuti perkembangan projek-projek pembangunan, Datuk Musa juga mengambil berat dan tidak akan melupakan bidang pelajaran yang menjadi tunggak utama kemajuan masa depan sesebuah negara.

"Meskipun saya tidak lagi menjadi Menteri Pelajaran, tapi soal-soal pelajaran akan diberi perhatian utama," katanya di Majlis Jamuan Teh anjuran Guru-guru Negeri Johor di Tapian Gelanggang, Kampung Datuk Onn, Johor Bahru, Selasa lalu.

Serentak dengan itu, Datuk Musa juga berharap bidang pelajaran tidak akan dijadikan isu politik baik dari parti Kerajaan atau pembangkang, satu masa nanti.

"Sama ada 10 atau 20 tahun lagi, saya sentiasa menaruh harapan supaya bidang pelajaran tidak akan dijadikan isu politik," katanya berterus terang.

Datuk Musa yang juga Menteri Halehwal Dalam Negeri juga mengambil berat tentang perpaduan kaum dan keutuhan Barisan Nasional, khususnya UMNO.

Berucap di hadapan 5,000 orang ahli-ahli parti politik dari Barisan Nasional di Saujana, kediaman Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat, malam Isnin lalu, beliau mengingatkan orang-orang Melayu akan bahaya anasir-anasir komunis yang cuba menembusi kubu orang-orang Melayu beragama Islam.

Menurut beliau, Parti Komunis Malaya (PKM) sentiasa mencari kelemahan orang-orang Melayu dan mempelajari selok-belok agama Islam dan adat resam Melayu sebelum bergerak cergas semula.

"Meskipun PKM semakin lemah dan tidak bermaya, tapi perjuangannya tidak akan berhenti. Bagi mengatasi niat jahat itu, orang-orang Melayu perlu bersatupadu dan jangan berhenti berjuang menentang anasir-anasir komunis," lafaznya tegas.

Datuk Musa mengingatkan, anasir-anasir komunis sudah pandai memberi salam dan berjinak-jinak dengan orang-orang Melayu. "Oleh itu rakyat Melayu beragama Islam perlu sentiasa berwaspada supaya tidak terperangkap dengan dakyah anasir komunis yang bertopengkan Islam," katanya sungguh-sungguh.

Beliau mengingatkan, jika orang-orang Melayu, parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan Islam tidak berhati-hati dengan ancaman yang mungkin timbul itu, orang-orang Melayu mungkin berpecah belah dan bermulalah kejatuhan dan kehancuran negara.

Semasa melawat Lembaga Johor Tenggara (KEJORA), Selasa lalu, Timbalan Perdana Menteri diberi penerangan lengkap dari Pengurus Besarnya, Datuk Haji Mohammad Haji Abdul Rahman mengenai perjalanan dan masalah anak-anak syarikatnya.

Berpuashati

Setelah mendengar taklimat itu dan laporan-laporan lain mengenai KEJORA, Datuk Musa kemudian mengarahkan dua anak syarikatnya - Syarikat Ternakan Parks Tenggara Sdn. Berhad dan Syarikat Johor Tenggara Protin Sdn. Berhad ditutup sertamerta.

Tindakan ini terpaksa diambil kerana kedua syarikat itu mengalami kerugian besar sejak ditubuhkan tujuh tahun lalu.

Datuk Musa juga memberi tempoh enam bulan saja kepada Syarikat Johor Tenggara Orkid untuk membetulkan pengurusannya setelah didapati perniagaan syarikat itu tidak menguntungkan.

Bagaimanapun, beliau puashati dengan perusahaan pelancungan DESARU yang mula mendapat sambutan ramai dari pelancung-pelancung khususnya dari negara jiran tetangga Singapura.

Semasa melawat Ladang Majuternak di Keluang, Johor pula, Datuk Musa seakan-akan kurang berpuashati dengan perjalanan dan prestasi Majuternak.

Beliau kemudian mengarahkan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) yang kini di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar membuat kajian lengkap mengenai agensi-agensi yang mengendalikan perusahaan susu dan daging.

Satu kajian komprehensif dan menyeluruh mengenai Majuternak perlu dijalankan.

Itulah beberapa kenangan dan perkara penting sepanjang lawatan Datuk Musa ke Johor, Isnin dan Selasa lalu. Dan tentunya mereka yang terlibat dengan beliau itu akan terus memikirkan apa juga nasihat, pesanan, ingatan dan amaran Datuk Musa.

Tentu sekali beliau berharap sambutan itu akan mewujudkan perpaduan kaum yang menjadi tunggak kemajuan negara.

"Meskipun saya tidak lagi menjadi Menteri Pelajaran, tapi soal2 pelajaran akan diberi perhatian utama"

Oleh ZAINUDDIN AYIP
Gambar-gambar YUSOF OMAR